

Lima kenderaan terperangkap dalam bah

SHAH ALAM – Sebanyak lima buah kenderaan terperangkap dalam kejadian banjir kilat di Seksyen U8, Plaza Tol Bukit Jelutong dan Jalan Kerjaya, Glenmarie di sini semalam.

Kejadian itu berlaku selepas hujan lebat kira-kira dua jam bermula pada pukul 1 petang.

Penolong Pengarah Operasi dan Penyelamat Bomba Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, dalam kejadian di Seksyen U8 dan Jalan Kerjaya, Glenmarie, masing-masing sebuah kereta telah terperangkap manakala di Plaza Tol Bukit Jelutong pula, tiga buah kereta ditenggelami

air lebih satu meter.

“Bagaimanapun, kesemua kenderaan itu telah dialihkan oleh pasukan bomba ke tempat selamat,” katanya di sini semalam.

Selain itu, hujan lebat yang melanda bandar raya ini turut menenggelamkan beberapa jalan raya ini termasuk di kawasan Seksyen 13, Seksyen 20, Seksyen 9, Batu Tiga dan Jalan Lapangan terbang Subang.

Sementara itu, di Klang, beberapa kawasan juga dilaporkan terjejas akibat banjir kilat antaranya, di kawasan Kampung Bukit Kerayong, Taman Sentosa, Bandar Puteri dan Jalan Kebun Nenas.



KEADAAN banjir kilat selepas hujan lebat di sekitar Seksyen 13, Shah Alam semalam.



LALUAN di Plaza Tol Bukit Jelutong di Shah Alam turut terjejas akibat banjir kilat.